

Guru besar dapat manfaat lanjut pengajian

BH 23.11.2013 2

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mewujudkan Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) bagi memberi peluang kepada guru besar atau pengurus sekolah melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda.

Pengajian di bawah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) itu sejajar hasrat Kementerian Pendidikan memberi peluang kedua kepada guru besar melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi supaya tahap pendidikan dan keilmuan mereka meningkat.

Bantu guru besar dapat ijazah

PKPGB yang diwujudkan pada 2005, banyak membantu guru besar mendapat ijazah dan sehingga tahun ini, seramai 188 guru besar menyertai program berkenaan.

Bagi pengambilan kohort pertama hingga 3, seramai 65 orang berjaya mendapat ijazah, diikuti 42 orang pada kohort 4, kohort 5 (20), kohort 6 (28) dan kohort 7 (33).

Dekan SPPS, Profesor Madya Dr Ismail Ibrahim, berkata objektif kewujudan PKPGB adalah mensiswazahkan pengurus sekolah agar menepati falsafah dan citra Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).